

Perkembangan Islam di negeri China

(5)

Jasa Islam Kepada China

Dalam makalah yang kelima ini, penulisnya, Tuan Haji Ibrahim T.Y. Ma, menggambarkan sejarah perjuangan umat Muslimin China menentang penindasan dan mempertahankan kesucian agama Islam – P.Q.

Oleh: Haji Ibrahim T.Y. Ma

(Diterjemahkan dari Bahasa Inggeris oleh A.B. Husni)

9. Pemberontakan di Shensi (1863-1878)

Demikianlah tentera-tentera Manchu menghadapi kerusuhan-kerusuhan di Yunan selama masa 15 tahun. Dalam pada itu terbit pulalah pemberontakan di bahagian Barat sekali lagi. Kali ini pemberontakan itu terjadi di wilayah Shensi, di mana pernah lagi terjadi pemberontakan semenjak tahun 1649 (pemberontakan kaum Muslim yang pertama). Shensi adalah sebuah wilayah di mana terletak kota Xi-an, ibu kota dari kerajaan raja-raja Tang. Wilayah Shensi itu ialah sebuah kawasan yang paling banyak ketika itu penduduknya yang beragama Islam di dalam negeri China. Sangat sayang sekali ketika ini tidak ada penduduk Muslim yang tinggal lagi di sana, kecuali mereka yang ditempatkan kembali oleh pemerintah republik ke situ, yang di datangkan dari Hunan.

Pemberontakan itu ialah akibat dari beberapa kerat batang bambu dan juga disebabkan oleh khabar-khabar angin palsu yang dihembuskan oleh kaum Muslim dan juga oleh kaum yang bukan Muslim dan juga disebabkan oleh

kecurigaan yang timbul kerananya. Khabar-khabar angin yang palsu dan tak bertanggungjawab ini menyebabkan musnahnya jiwa manusia. Beberapa juta banyaknya, kata orang kira-kira tiga juta jiwa. Peperangan itu dimulai dari Shensi menjalar ke wilayah Kansu, dan merebak sehingga ke seluruh Turkistan Timur. Jumlah manusia yang ikut bertempur lebih besar dari peperangan-peperangan yang pernah berlangsung di sana. Peperangan itu berlangsung 15 tahun lamanya semenjak tahun 1863 sehingga 1878, sepuluh tahun setelah selesainya pemberontakan dari 7 orang Khawajah yang telah dihuraikan dahulu. Kaum Manchu dengan kejam melaksanakan pembunuhan-pembunuhan itu dengan tidak memilih bulu, umur atau ragam. Seluruh kota yang memuat penduduk kaum-kaum Muslim dibakar dan dimusnahkan dengan tidak ada ampun. Inilah siasah bumi hangus mereka.

Suasana itu disebabkan oleh 600 orang tentera Muslim yang telah habis kewajibannya dan kembali dari Hunan dan ketika mereka itu melewati Huwachu¹, beberapa orang mereka itu memotong beberapa kerat bambu. Yang

¹ Nama sebenar tidak dapat dipastikan. Ejaan dalam Qalam ialah ha-waw-alif-cha-waw.

empunya bambu itu melarang, suatu pertengkaran dan perkelahian terjadi yang dicampuri oleh orang banyak. Dua orang Muslim mati terbunuh. Yang lainnya tentu sahaja mundur dan mereka berlindung dalam sebuah masjid. Ketua kota itu melaporkan kepada ibu kota – Xi-an – menyatakan, bahawa orang-orang Muslim sedang mengadakan pemberontakan sebagaimana juga di lain-lain kawasan. Cheng Pi, Kepala Pengawas Tentera datang ke tempat itu sendiri untuk melakukan pemeriksaan. Dia menerima kedatangan utusan dari kaum Muslim. Cheng Pi menerangkan kepada rombongan itu, bahawa pada umumnya orang-orang Muslim tidak bersalah, melainkan yang bersalah dan bertanggungjawab ialah pemimpinnya yang bernama Jin Wu, yang termuat di dalam daftar hitamnya. Orang ini mesti

ditangkap dan dihukum mati. Sebenarnya Jin Wu ada di dalam rombongan itu. Pada keesokan harinya Cheng Pi dibunuh oleh Jin Wu di tengah jalan. Kejadian inilah menjadi punca penyembelihan manusia yang paling hebat yang akan terjadi kemudiannya.

Sesudah itu terjadilah pemberontakan-pemberontakan di lain-lain wilayah, Pai Yin Hu dari daerah Winan, Ma Hua Long dari Hu Chu, Ma Ku'i Huan dan Ma Tu San dari daerah Hu Huang, semuanya memberontak. Ma Hua Long di angkat menjadi pemimpin angkatan perang dibantu dengan lain-lain pemimpin dan mereka itu bermarkas besar di Chengchi di wilayah Kansu. Hal ini terjadi setelah setahun penuh pemberontakan itu telah berlaku.



Suatu pemandangan dalam majlis kaum Muslimin China Singapura yang telah diadakan pada kira-kira 6 tahun yang lalu, di rumah *Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah*. Turut juga hadir kaum Islam Singapura dari berbagai-bagai bangsa dan suku.

Satu pasukan yang lain dari Kansu menggabungkan dirinya pula yang dipimpin oleh seorang yang bernama Tu Ming. Tu Ming telah tertangkap di Shensi tetapi dapat melarikan diri, kemudian dia menyatakan dirinya sebagai seorang raja Islam di bahagian Urumqi di Xinjiang. Seorang lagi yang berasal dari Turkistan Timur muncul pula, selagi terjadi pertempuran-pertempuran mati-matian itu. Orang ini bernama Ya'kub dan dia adalah seorang pemimpin yang cergas. Dia berhasil telah dapat menyatukan semua suku-suku bangsa

di daerah Xinjiang dan dia mendapat sokongan dari negara-negara Islam yang berjiran sebagai negara Turkistan Timur yang mengakuinya merdeka dari China, diakui oleh Inggeris dan Rusia. Duta Besar Inggeris di Peking pada masa itu telah pun menasihatkan pemerintah Manchu supaya membebaskan Xinjiang.

Setelah memperhatikan keadaan-keadaan yang berbahaya itu, maka pemerintah Manchu memutuskan memberikan bahagian sebelah selatan dari Xinjiang kepada Ya'kub, bebas dan merdeka dari China. Keputusan ini di bangkang oleh Jeneral Tsu Tsung Tang, yang menjanjikan kepada pemerintah akan memadam api pemberontakan kaum Muslimin di bahagian barat dari China. Maka Tsu pun diangkatlah menjadi Kepala Angkatan Perang. Benarlah Tsu telah membuktikan bahawa dia adalah pemimpin yang cergas. Dibuatnya jalan-jalan raya untuk tempat lalu lintas dengan tidak mendapat halangan. Sesudah itu digunakannyalah siasah mengepung. Kemudian dipukulnyalah satu demi satu dan akhirnya dipergunakannya siasah politik memujuk. Dia telah berhasil dalam siasahnya ini setelah 15 tahun lamanya berkhidmat.

Pemberontakan-pemberontakan kaum Muslimin China itu pada asasnya telah padam akan tetapi perkelahian-perkelahian kecil masih terus berlangsung dan demikianlah kita telah melihat pemberontakan Khawajah Niyaz pada permulaan Republik China ditubuhkan dan pertempuran-pertempuran kaum Muslimin China menentang pasukan-pasukan Jeneral Kristian Pang Yu Hsiang dalam tahun 1920 dan lain-lain.

(Bersambung)

BUKU2 RUMI

Penerbitan Qalam Yang Terbaru

Kesan Kesusasteraan Tua Di -

Tanah Ayer

Oleh: Abdullah B. Hj. Musa

(Lubis) \$2.00

Cherita2 Sejarah I

Oleh: Edrus \$1.00

Teras Kebudayaan Nasional

Oleh: Mahmud Ahmad \$1.50

Balek Dari Medan Perjuangan

Oleh: Ahmad Lutfi \$1.00

Sisa Neraka Dunia

Oleh: Ahmad Lutfi \$1.20

Bangkai Bernyawa

Oleh: Ahmad Lutfi \$1.00

Tinjauan Sastera Tanah Ayer

Oleh: Abd. Ghani bin Abbas \$1.50

Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang

Oleh: Abdullah B. Hj. Musa

(Lubis) \$2.00

Surat Menyurat (chitakan kedua)

Oleh: Edrus \$2.00

Pesan Kepada :

Qalam

356/8, GEYLANG ROAD,

SINGAPURA 14.